

10/04/1997

101 tokoh dijangka hadir

KUALA LUMPUR, Rabu - Kira-kira 101 tokoh akademik dan agama dunia akan menghadiri Simposium Antarabangsa Dunia Islam dan Kerjasama Global: Persiapan Menjelang Abad Ke-21 di sini mulai 25 April ini.

Simposium tiga hari itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Pusat Kajian Islam Oxford.

Berita Harian yang meraikan sambutan ulang tahunnya ke-40 menjadi akhbar rasmi seminar itu.

Tokoh tempatan yang dijangka hadir ialah Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya, Prof Datuk Osman Bakar; Pengerusi dan Pemegang Amanah, Institut kajian Sosiologikal Malaysia, Dr Alijah Gordon; dan Pengarah Just World Trust, Prof Dr Chandra Muzaffar.

Dr Mahathir dijadualkan menyampaikan ucapan bertajuk 'Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21'.

Ucapan Perdana Menteri itu adalah lanjutan pidatonya bertajuk 'Islam: Agama Yang Disalahfahami' di Universiti Oxford, tahun lalu.

Peserta berpeluang berdialog dengan Dr Mahathir dalam sidang pleno pertama selepas beliau berucap dan merasmikan seminar itu.

(END)